

Wasiyyah selesaikan kes pusaka RM700 juta sejak 2004

KASALAH 8/9/2023 11/5:38



ARIFFIN memberi jaminan semua dokumen perancangan harta Wasiyyah Shoppe adalah patuh syariah.

PETALING JAYA – Syarikat amanah patuh syariah, Wasiyyah Shoppe Berhad telah menyelesaikan kes pengurusan harta pusaka bernilai lebih RM700 juta sejak mula beroperasi pada tahun 2004 sehingga 31 Disember tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ariffin Sabirin berkata, ia terdiri daripada hartanah dan harta alih seperti saham syarikat, wang tunai di akaun bank, akaun pelaburan saham amanah, kenderaan, saham koperasi dan pelbagai bentuk harta pusaka yang lain.

Tambahnya, syarikat telah membantu lebih daripada 80,000 umat Islam seluruh Malaysia merancang harta mereka melalui kaedah hibah, wasiat, harta sepencarian dan amanah.

Daripada jumlah keseluruhan pelanggannya, seramai 750 orang telah pun meninggal dunia dan

proses perundangan menuntun harta pusaka di Pejabat Pusa-ka Kecil dan Mahkamah Tinggi Sivil telah berjaya dibantu urus oleh Wasiyyah Shoppe sehingga waris-waris menerima bahagian mereka.

“Perkhidmatan Wasiyyah Shoppe bersifat komprehensif. Kami membantu daripada peringkat pelanggan mula membuat dokumen perancangan harta mereka seperti hibah, wasiat dan amanah semasa hidup.

“Apabila mereka meninggal dunia, kami membantu pula waris-waris melalui semua proses perundangan yang berkenaan sehinggalah ke tahap harta pusaka itu didaftarkan secara rasmi di atas nama waris-waris,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Ariffin, apa yang lebih unik dan membuat perkhidmatan Wasiyyah Shoppe Berhad mendapat sambutan

baik masyarakat ialah waris-waris dibantu melalui proses perundangan tuntutan harta pusaka tanpa dibebankan dengan fi perkhidmatan.

“Kami faham bahawa faktor fi perkhidmatan menyebabkan ramai waris yang menanggungkan urusan pembahagian harta pusaka, mereka bimbang akan dikenakan pelbagai fi perkhidmatan yang tidak dapat dikenal pasti nilainya.

“Oleh itu, Wasiyyah Shoppe Berhad telah mengambil inisiatif menjadi satu-satunya syarikat amanah di Malaysia yang membantu waris-waris pelanggannya melalui semua proses perundangan tanpa perlu membayar apa-apa fi perkhidmatan kepada kami.

“Harta pusaka juga diterima sepenuhnya oleh waris-waris tanpa dipotong dengan apa-apa fi,” ujar beliau.